
**ALLIANZ GENERAL INSURANCE COMPANY (MALAYSIA) BERHAD 200601015674
(735426-V)**

**Menara Allianz Sentral, 203 Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur**

**INSURANS KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK
TOUCH 'N GO SDN BHD**

NO POLISI.: 23PKJ0007305

BAHAWASANYA **Pemegang Polisi** yang diterangkan dalam Jadual, melalui cadangan dan mengisyiharan yang akan menjadi asas kontrak dan dianggap sebagai diperbadankan di sini, telah memohon kepada Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674 (735426V)) (selepas ini dipanggil "**Syarikat**") untuk insurans yang terkandung selepas ini dan Orang Yang Diinsuranskan telah membayar atau telah bersetuju untuk membayar kepada **Syarikat** premium yang dinyatakan dalam **Jadual** atau **Pengendorsan** sebagai alasan untuk insurans bagi tempoh yang nyatakan di dalamnya.

SEKARANG POLISI INSURANSINI MENYAKSIKAN bahawa jika dalam **Tempoh Insurans** manapun **Orang Yang Diinsuranskan** akan mengalami kecederaan badan yang disebabkan oleh **Kemalangan** yang semata-mata dan bebas daripada sebarang sebab lain mengakibatkan kematian atau hilang upaya **Orang Yang Diinsuranskan** seperti yang ditakrifkan selepas ini, **Syarikat** akan, tertakluk kepada terma, pengecualian, proviso dan syarat dan diendors pada **Polisi** ini, bayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan** jumlah atau jumlah wang yang dinyatakan dalam Jadual mengikut manfaat di sini.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada

Ditandatangani untuk dan bagi pihak

ALLIANZ GENERAL INSURANCE COMPANY (MALAYSIA) BERHAD

BAHAGIAN 1 – FAEDAH-FAEDAH

Faedah-faedah berikut boleh dibayar sehingga **Jumlah Yang Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** mengikut jenis pelan yang dipilih oleh **Orang Yang Diinsuranskan** dan tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

A. KEMATIAN ATAU HILANG UPAYA KEKAL

Sekiranya berlaku **Kemalangan** semasa **Tempoh Insurans** yang menyebabkan **Kecederaan** yang mengakibatkan kematian atau **Hilang Upaya Kekal** kepada **Orang Yang Diinsuranskan** yang berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari **Tarikh Kemalangan, Syarikat** akan membayar faedah kematian atau **Hilang Upaya Kekal**, mana-mana yang berkenaan, mengikut peratusan **Jumlah yang Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam Skala Faedah di bawah.

Skala Faedah-Faedah	Peratusan Jumlah Diinsuranskan
Kematian	100%
Hilang Upaya Kekal	
Hilang dua anggota tangan atau kaki	100%
Hilang kedua-dua tangan atau kesemua jari dan kedua-dua ibu jari	100%
Hilang penglihatan kedua-dua mata	100%
Lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah	100%
Kecederaan yang mengakibatkan terlantar kekal di katil	100%
Hilang tangan hingga ke bahu	100%
Hilang tangan hingga ke siku	100%
Hilang tangan hingga ke siku	100%
Hilang tangan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
Hilang tangan hingga pergelangan tangan	100%
Hilang kaki	100%
- di pinggul	100%
- di antara lutut dan pinggang ping	100%
- di bawah lutut	100%
Mata : Hilang	100%
- keseluruhan penglihatan	100%
- semua penglihatan di sebelah mata	100%
- semua penglihatan kecuali persepsi cahaya	50%
Hilang empat jari (kecuali ibu jari) dan ibu jari di sebelah tangan	50%
Hilang empat jari (kecuali ibu jari)	40%
Hilang ibu jari	30%
- kedua-dua ruas	30%
- satu ruas	15%

Hilang jari telunjuk	- tiga ruas	15%
	- dua ruas	10%
	- satu ruas	5%
Hilang jari hantu	- tiga ruas	8%
	- dua ruas	5%
	- satu ruas	3%
Hilang jari manis	- tiga ruas	6%
	- dua ruas	5%
	- satu ruas	3%
Hilang jari kelengkeng	- tiga ruas	5%
	- dua ruas	4%
	- satu ruas	3%
Hilang metakarpal	- pertama atau kedua (tambahan)	4%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	3%
Hilang jari kaki	- kesemua (setiap satu kaki)	20%
	- besar, kedua-dua ruas	8%
	- besar, satu ruas	3%
	- selain yang besar, jika lebih daripada satu jari kaki, setiap satu	2%
Hilang kekal pendengaran kedua-dua telinga dan pertuturan		100%
Hilang pendengaran	- kedua-dua belah telinga	75%
	- sebelah telinga	15%
*Hilang pertuturan		50%
Kependekan tangan	- lebih dari 1" sehingga 2" (inci)	2.5%
	- lebih dari 2" sehingga 4" (inci)	5%
	- lebih dari 4" (inci)	12.5%
Kependekan kaki	- lebih dari 1" sehingga 2" (inci)	5%
	- lebih dari 2" sehingga 4" (inci)	10%
	- lebih dari 4" (inci)	25%

Jikalau **Kecederaannya** tidak dinyatakan, **Syarikat** berhak untuk menggunakan peratusan yang sesuai daripada **Jumlah Yang Diinsuranskan** bagi hilang upaya yang, pada pendapatnya, tidak selaras dengan peruntukan Skala Faedah di atas.

*Hilang kegunaan kekal anggota sepenuhnya akan dikira sebagai kehilangan anggota.

*Hilang Daya Bertutur dertiikan sebagai kehilangan daya berkomunikasi menyeluruh dan kekal untuk berkomunikasi secara lisan.

Agregat semua peratusan yang perlu dibayar di bawah manfaat kematian atau **Hilang Upaya Kekal** untuk keseluruhan **Tempoh Insurans** tidak boleh melebihi seratus peratus (100%) daripada **Jumlah Yang Diinsuranskan**.

Kerugian lain yang kurang daripada seratus peratus (100%), jika telah dibayar akan mengurangkan **Jumlah Yang Diinsuranskan** dengan jumlah tersebut dari **Tarikh Kemalangan** sehingga tamat **Tempoh Insurans**.

Sekiranya sejumlah seratus peratus (100%) daripada **Jumlah Yang Diinsuranskan** telah dibayar semasa **Tempoh Insurans**, semua insurans di bawah **Jadual Orang Yang Diinsuranskan** akan dengan serta-merta berhenti berkuat kuasa dan selepas pembayaran **Jumlah Yang Diinsuranskan**, kewajipan **Syarikat** di bawah Jadual yang berkaitan akan dilunaskan sepenuhnya.

B. KEHILANGAN/KEROSAKAN KEPADA BARANGAN PERIBADI

(1) Sekiranya berlaku:

- (a) **Ragut atau Percubaan Meragut**; atau
- (b) pecah masuk secara paksaan dan menggunakan kekerasan ke dalam kenderaan **Orang Yang Diinsuranskan**, tertakluk kepada kenderaan berada dalam keadaan selamat/berkunci;

yang mengakibatkan kerugian atau kerosakan kepada **Orang Yang Diinsuranskan**:

- (i) dompet, beg tangan atau beg bersama-sama dengan kandungan di dalamnya; atau
- (ii) apa-apa barang berharga atau barang kemas yang dipakai oleh **Orang Yang Diinsuranskan** pada masa kejadian;

Syarikat akan membayar **Orang Yang Diinsuranskan** jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi setiap kejadian.

- (2) Manfaat ini hanya akan dibayar dengan syarat laporan polis mengenai kejadian yang mengakibatkan kehilangan atau kerosakan kepada barang peribadi **Orang Yang Diinsuranskan** dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari berlakunya kejadian tersebut.
- (3) Jika kehilangan atau kerosakan kepada barang peribadi **Orang Yang Diinsuranskan** disebabkan oleh pecah masuk secara paksaan ke dalam kenderaan **Orang Yang Diinsuranskan**, **Syarikat** tidak akan membayar faedah ini sekiranya barang peribadi tersebut tidak sepenuhnya hilang dari pandangan di dalam bonet kenderaan dengan kenderaan itu dikunci sepenuhnya dan tingkapnya ditutup.
- (4) Manfaat ini terhad kepada dua (2) tuntutan semasa **Tempoh Insurans**.

C. PENJAGAAN KUNCI KERETA

- (1) Sekiranya **Kunci Kereta** kenderaan Orang Yang Diinsuranskan hilang atau dicuri disebabkan oleh:

-
- (a) **Ragut atau Percubaan Meragut**; atau
 - (b) pecah masuk secara paksaan dan menggunakan kekerasan ke dalam rumah **Orang Yang Diinsuranskan**.

Syarikat akan membayar balik kepada **Orang Yang Diinsuranskan** perbelanjaan sebenar yang ditanggung untuk menggantikan satu (1) set **Kunci Kereta** tersebut, sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual.

- (2) Manfaat ini hanya akan dibayar dengan syarat laporan polis mengenai kejadian yang mengakibatkan kerugian **Kunci Kereta** tersebut dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari kejadian tersebut.
- (3) Manfaat ini terhad kepada satu (1) tuntutan semasa **Tempoh Insuran**.

D. KEHILANGAN KAD NFC TOUCH 'N GO

- (1) Sekiranya **Kad NFC Orang Yang Diinsuranskan** hilang atau dicuri disebabkan oleh:
 - (a) **Ragut atau Percubaan Meragut**; atau
 - (b) pecah masuk secara paksaan dan menggunakan kekerasan ke dalam kenderaan **Orang Yang Diinsuranskan**, tertakluk kepada kenderaan itu berada dalam keadaan selamat/dikunci;.

Syarikat akan membayar **Orang Yang Diinsuranskan** jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk setiap kejadian.

- (2) Manfaat ini terhad kepada dua (2) tuntutan semasa **Tempoh Insurans**.

E. ELAUN PENGANGKUTAN

- (1) **Syarikat** akan membayar **Orang Yang Diinsuranskan** jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk caj pengangkutan yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** untuk pergi ke hospital yang terletak di dalam Malaysia untuk kemasukan ke hospital akibat **Kemalangan**.
- (2) Manfaat ini terhad kepada satu (1) tuntutan semasa **Tempoh Insurans**.

BAHAGIAN 2 – SYARAT - SYARAT

1. SYARAT TERDAHULU BAGI LIABILITI

Pematuhan dan pemenuhan terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini selaras dengan apa yang

perlu dilakukan atau tidak perlu dilakukan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang merupakan syarat-syarat terdahulu kepada apa-apa liabiliti **Syarikat** untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah **Polisi** ini.

2. NOTIS

Setiap notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat mengikut **Polisi** ini oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang harus dihantar secara bertulis kepada ibu pejabat atau mana-mana pejabat cawangan **Syarikat**.

3. KELAYAKAN

Orang Yang Diinsuranskan mestilah warganegara Malaysia, pemastutin tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas atau bekerja secara sah di Malaysia atau menetap secara sah di Malaysia, berumur dari lapan belas (18) tahun sehingga tujuh puluh (70) tahun, dan merupakan Pemegang kad Touch 'n Go yang telah memautkan kad Touch 'n Go dengan Touch 'n Go eWallet mereka sepanjang **Tempoh Insurans**. Umur yang dirujuk dalam **Polisi** ini hendaklah merujuk kepada umur pada hari jadi terakhir.

Orang yang Diinsuranskan dihadkan kepada satu permohonan bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan** untuk **Tempoh Insurans** tertentu. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** telah mengemukakan lebih daripada satu permohonan untuk **Tempoh Insurans** yang sama atau bertindih, permohonan terawal akan diguna pakai dan mana-mana permohonan berikutnya akan terbatal dan **Syarikat** akan membayar balik jumlah premium yang telah dibayar untuk permohonan berikutnya.

4. PENUKARAN ALAMAT ATAU BUTIRAN

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberi notis bertulis dengan segera kepada **Pemegang Polisi** yang akan selepas itu memberitahu **Syarikat** untuk apa-apa perubahan ke atas nama, alamat kediaman atau perniagaan.

5. PINDAAN

Syarikat berhak untuk meminda terma dan syarat **Polisi** ini dan pindaan sedemikian terhadap **Polisi** ini hanya akan sah jika dibenarkan oleh **Syarikat** dan disahkan. Sebarang pindaan akan berkuat kuasa dari pembaharuan **Polisi** ini yang seterusnya.

6. TUNTUTAN

(a) Notis Tuntutan

Semua tuntutan mestilah diberikan secara bertulis kepada **Syarikat** dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari **Tarikh Kehilangan/Kemalangan**.

Orang yang Diinsuranskan hendaklah mengemukakan untuk pemeriksaan **Syarikat** semua dokumen yang berkaitan dalam masa yang munasabah dan hendaklah bekerjasama dengan **Syarikat** dalam semua perkara yang berkaitan dengan sebarang kerugian dan/atau tuntutan. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menjelaskan tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan**. Notis tuntutan bertulis yang diberikan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan** kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan **Syarikat** di Malaysia atau kepada mana-mana ejen sah **Syarikat** akan dianggap sebagai notis kepada **Syarikat**.

Manfaat untuk **Hilang Upaya Kekal** hanya akan dibayar jika **Orang Yang Diinsuranskan** memberikan **Syarikat** salinan laporan perubatan yang dikeluarkan oleh **Pengamal Perubatan** yang mengesahkan **Hilang Upaya Kekal** tersebut.

(b) **Bukti Kerugian**

Bukti kerugian bertulis, termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan perubatan, resit asal, laporan polis dan bukti-buktii lain yang diperlukan untuk menyokong tuntutan itu, mesti diberikan kepada **Syarikat** dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari **Tarikh Kemalangan**.

Kegagalan untuk memberikan bukti sedemikian dalam masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan atau mengurangkan apa-apa tuntutan sekiranya bukti tersebut disediakan secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan, kecuali tiada kapasiti undang-undangtidak kurang daripada satu (1) tahun dari masa bukti diperlukan.

Semua dokumen dan bukti mesti disediakan atas perbelanjaan **Orang Yang Diinsuranskan** atau orang yang berhak menerima wang melalui **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan ("Penuntut"), dalam bentuk dan sifat yang diperlukan oleh **Syarikat**.

7. PEMBAHARUAN POLISI

Polisi ini dikeluarkan bagi tempoh satu (1) tahun dan boleh diperbaharui selepas itu untuk tempoh satu (1) tahun berikutnya tertakluk kepada persetujuan **Syarikat**.

8. PERLINDUNGAN ORANG YANG DIINSURANSKAN

Perlindungan insurans bagi **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi** ini iaitu **Tempoh Insurans** akan tertera di dalam **Endorsmen** dan adalah untuk tempoh satu (1) bulan. **Orang Yang Diinsuranskan** dihadkan kepada satu (1) perlindungan sahaja di bawah **Polisi** ini semasa **Tempoh Insurans** yang berterusandan perlindungan baru hanya boleh diambil untuk **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut selepas tamat **Tempoh Insurans** terdahulu, tertakluk kepada terma dan syarat di sini.

9. BAYARAN PREMIUM

Pemegang Polisi hendaklah setiap bulan memberikan **Syarikat** butiran yang relevan bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang akan dilindungi di bawah **Polisi** ini, bersama-sama dengan premium penuh yang perlu dibayar sebagai pertimbangan perlindungan yang akan diberikan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** sebelum perlindungan bermula.

10. PENAMATAN INSURANS

(a) Penamatan oleh Pemegang Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan.

Jika **Pemegang Polisi** memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan **Polisi** ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, yang mana-mana yang kemudian. Walaupun **Polisi** ini ditamatkan, perlindungan individu bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang masih wujud pada tarikh penamatan **Polisi** ini akan terus berkuat kuasa sehingga tamat **Tempoh Insurans** dan premium yang dibayar untuk perlindungan tersebut tidak akan dikembalikan.

Jika **Orang Yang Diinsuranskan** memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan perlindungan individunya di bawah **Polisi** ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh selepas tamat **Tempoh Insurans** tanpa mengira tarikh notis diterima atau mana-mana tarikh yang dinyatakan dalam notis dan perlindungan untuk **Orang Yang Diinsuranskan** akan tamat pada tarikh terakhir **Tempoh Insurans** dan premium yang dibayar untuk perlindungan tersebut tidak akan dikembalikan.

(b) Penamatan oleh Syarikat

Sekiranya **Syarikat** menamatkan **Polisi** ini atau mana-mana perlindungan individu di bawah **Polisi** ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut Syarat 17 (Salah Nyataan atau Peninggalan Fakta Penting) atau melalui perintah pihak berkuasa kawal selia atau kerajaan, **Syarikat** hendaklah memberi notis mengenai penamatan melalui pos berdaftar kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mengikut mana-mana yang mungkin, di alamat surat-menyerat terakhir masing-masing yang diketahui di Malaysia. Penamatan tersebut hendaklah berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut.

Walaupun **Polisi** ini ditamatkan, perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan** yang masih wujud pada tarikh penamatan **Polisi** ini akan terus berkuat kuasa sehingga tamat **Tempoh Insurans** dan premium yang dibayar untuk perlindungan tersebut tidak akan dikembalikan.

(c) Penamatan Automatik Perlindungan Individu

Perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** akan luput/ditamatkan apabila berlaku mana-mana terdahulu yang berikut:

-
- (i) pada waktu tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir **Tempoh Insurans** walaupun **Orang Yang Diinsuranskan** mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun pada bila-bila masa dalam **Tempoh Insurans**;
 - (ii) apabila **Orang yang Diinsuranskan** tidak lagi memautkan kad Touch 'n Go ke Touch 'n Go eWallet; atau
 - (iii) selepas kematian **Orang Yang Diinsuranskan**.

11. MATA WANG DAN KADAR TUKARAN

Semua premium hendaklah dibayar dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami apa-apa kerugian di luar Malaysia dan dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, **Syarikat** hendaklah membayar pampasan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** dalam Ringgit Malaysia, berdasarkan kadar pertukaran yang disebut harga (kadar pasaran terbuka jika pasaran bebas, kadar rasmi jika tidak pasaran bebas) pada **Tarikh Kemalangan**.

12. UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIPAKAI

Polisi ini dan semua hak, kewajipan dan liabiliti yang timbul di bawah ini, hendaklah ditafsirkan dan ditentukan dan boleh dikuatkuasakan selaras dengan undang-undang Malaysia dan mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif di sini.

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti akan diambil untuk mendapatkan semula pampasan di bawah **Polisi** ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian secara bertulis telah diberikan mengikut keperluan **Polisi** ini.

13. PENERIMAAN

Penerimaan oleh **Orang yang Diinsuranskan** atau wakil **Orang Yang Diinsuranskan** yang sah mengenai sebarang pampasan yang dibayar di bawah **Polisi** ini hendaklah dalam semua kes merupakan pelepasan liabiliti **Syarikat** yang berkesan.

14. HAD WILAYAH

Polisi ini menyediakan di seluruh dunia melainkan dipinda atau disahkan sebaliknya.

15. PERSETUJUAN UNTUK MENGGUNAKAN DATA PERIBADI

- (a) **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** mewakili dan menjamin bahawa jika dia mengemukakan maklumat **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain kepada **Syarikat**, bahawa dia mempunyai kebenaran untuk memberikan maklumat berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain, bahawa dia telah memberitahu **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu tersebut mengenai tujuan maklumat peribadinya

yang dikumpulkan, digunakan dan didedahkan serta pihak-pihak yang boleh menerima maklumat peribadi mereka berikutan pendedahan oleh **Syarikat**, dan bahawa **Pemegang Polisi, Orang Yang Diinsuranskan** atau individu bersetuju bahawa **Syarikat** boleh mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan dan memproses maklumat peribadi (sama ada diperoleh semasa proses permohonan atau pentadbiran **Polisi** ini) mengikut Notis Privasi **Syarikat** seperti yang diterbitkan dari semasa ke semasa di allianz.com.my.

- (b) Peraturan Perlindungan Data Umum (“GDPR”)
- Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** ingin melaksanakan hak GDPR mereka, **Pemegang Polisi** hendaklah memaklumkan **Orang Yang Diinsuranskan** untuk menulis kepada **Syarikat** di privacy@allianz.com.my agar **Syarikat** dapat menilai dan mematuhi Undang-undang Privasi EU – GDPR.

16. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

(a) Kontrak Insurans Pengguna

Penurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaanan, telah memohon insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh **Syarikat** dengan penuh dan tetap serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** ketahui ada berkaitan dengan keputusan **Syarikat** menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

(b) Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, berlakumana-mana yang berkenaanan, telah memohon insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** ketahui ada berkaitan dengan keputusan **Syarikat** untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal itu boleh dijangka untuk tahu adalah berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

-
- (c) **Pemegang Polisi** dan **Orang Yang Diinsuranskan** juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada **Syarikat** dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui dengan **Syarikat**, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

17. SALAH NYATAAN ATAU PENINGGALAN FAKTA PENTING

Tertakluk kepada kewajipan pendedahan **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan, jika sebarang jawapan, pendedahan atau representasi oleh **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** dalam atau kepada mana-mana cadangan atau pengisyiharan atau pertanyaan, telah dinyatakan secara sengaja atau melulu dalam mana-mana aspek sebelum kontrak insurans ini dibuat, diubah atau diperbaharui, atau jika **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** gagal mendedahkan sebarang fakta bahawa **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** tahu berkaitan dengan keputusan **Syarikat** sama ada untuk menerima risiko ini dan atas kadar dan terma yang akan digunakan, maka, **Polisi** ini akan terbatal.

Sekiranya sebarang tuntutan yang dibuat oleh **Orang Yang Diinsuranskan** adalah penipuan atau dibesar-besarkan, atau jika sebarang pengisyiharan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut, maka **Syarikat** berhak untuk menafikan atau mengurangkan tuntutan tersebut atau menamatkan perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan.

18. CUKAI BERKENAAN

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang kewajipan, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai “**Cukai Berkenaan**”) yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barang dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah **Polisi** ini, **Syarikat** berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunakan dengan Cukai Berkenaan.

19. HAD SEKATAN DAN KLAUSA PENGECUALIAN

Tiada penanggung insurans/penanggung insurans bersama boleh dianggap sebagai menyediakan perlindungan dan tiada penanggung insurans/penanggung insurans bersama akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberikan apa-apa

faedah di bawah ini setakat yang peruntukan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan tersebut atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan penanggung insurans/penanggung insurans bersama itu kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan ekonomi perdagangan, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

BAHAGIAN 3 – PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi kematian atau sebarang **Kecederaan** atau **Hilang Upaya Kekal** secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:

- (a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, aktiviti jenayah atau pengganas, permusuhan (sama ada perang diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan, ketenteraan atau rampasan kuasa;
- (b) Kurang-siuman, membunuh diri, kecederaan diri yang disengajakan atau sebarang percubaan untuk melakukannya;
- (c) Mabuk melebihi had undang-undang berhubung dengan sebarang kesalahan memandu dan/atau apabila berada di bawah pengaruh dadah haram;
- (d) Sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) atau Human Immunodeficiency Virus Infection (HIV);
- (e) Melahirkan anak, keguguran, atau sebarang komplikasi kehamilan, melainkan hanya disebabkan oleh **Kemalangan**;
- (f) Pembunuhan atau serangan yang diprovokasi;
- (g) Semasa dalam perjalanan dalam pesawat yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang sebagai anggota anak kapal;
- (h) Semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- (i) Semasa menyertai mana-mana sukan profesional;
- (j) Seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti udara termasuk payung terjun dan sukan geluncur angin, aktiviti bawah air melebihi lima puluh (50) meter kedalaman, mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau panduan mekanikal;
- (k) Perlumbaan (selain berjalan kaki), percubaan membuat rentak, kelajuan atau kebolehpercayaan;
- (l) Pengionan, sinaran atau pencemaran oleh radioaktiviti, bahan senjata nuklear; dan
- (m) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: ini tidak terpakai kepada individu yang mempunyai lesen tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu tersebut di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan).

BAHAGIAN 4 – DEFINISI

Kemalangan bermaksud sebarang kejadian yang mengejut atau tidak dijangka, yang berpunca secara langsung dan bebas daripada tindakan punca luaran, selain daripada sebarang Kecederaan yang disengajakan sendiri.

Kunci Kereta bermaksud kunci kereta untuk kenderaan (tidak termasuk motosikal) yang didaftarkan di bawah nama **Orang Yang Diinsuranskan**.

Syarikat bermaksud Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (No. Syarikat 200601015674 (735426V)).

Tarikh Kemalangan bermaksud hari apabila sebarang Kecederaan dan kejadian lain yang dilindungi berlaku; dikenakan ke atas dan/atau dikontrakkan oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

Pengendorsan bermaksud pindaan bertulis kepada terma, syarat dan had **Polisi** ini.

Kecederaan bermaksud kecederaan tubuh badan yang dialami di mana-mana sahaja di dunia yang disebabkan oleh Kemalangan semata-mata dan bukan oleh penyakit atau haus dan lusuh fizikal atau mental secara beransur-ansur yang berlaku semasa **Tempoh Insurans**.

Orang yang Diinsuranskan bermaksud individu yang merupakan pemegang kad Touch 'n Go yang telah menghubungkan kad Touch 'n Go dengan Touch 'n Go eWallet sepanjang **Tempoh Insurans**, seperti yang diisyiharkan oleh **Pemegang Polisi** dan diterima untuk perlindungan oleh Syarikat.

Pengamal Perubatan bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang dilesenkan oleh pihak berkuasa perubatan negara di mana rawatan disediakan dan yang mengamalkan dalam skop pelesenan dan latihannya, tidak termasuk Pengamal Perubatan yang merupakan **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut sendiri.

Kad NFC bermaksud kad Touch 'n Go yang dipertingkatkan dengan teknologi 'Komunikasi Medan Dekat' (NFC) yang dikeluarkan oleh **Pemegang Polisi**.

Tempoh Insurans bermaksud tempoh di mana **Orang Yang Diinsuranskan** adalah diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Endorsmen, tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian dalam **Polisi** ini.

Hilang Upaya Kekal bermaksud syarat-syarat yang diterangkan di bawah Skala Faedah di bawah item A Bahagian 1 – Faedah.

Pemegang Polisi bermaksud seseorang atau badan korporat yang diterangkan dalam **Jadual** yang mana **Polisi** ini telah dikeluarkan berkenaan dengan perlindungan bagi **Orang Yang Diinsuranskan**.

Polisi bermaksud kontrak **Polisi** ini termasuk **Jadual** dan semua **Endorsmen**.

Jadual bermaksud dokumen yang dikeluarkan kepada **Pemegang Polisi** oleh Syarikat yang memperincikan maklumat seperti faedah penting yang disediakan di bawah **Polisi** ini.

Ragut atau Percubaan Ragut bermaksud tindakan mencuri atau cubaan secara paksa, daripada **Orang Yang Diinsuranskan**. Bagi tujuan **Polisi** ini, **Ragut atau Percubaan Ragut** termasuk perlindungan untuk rompakan atau percubaan rompakan dan ragut – keadaan di mana harta benda **Orang Yang Diinsuranskan** dirampas atau cuba dirampas daripada **Orang yang Diinsuranskan**.

Jumlah Diinsuranskan bermaksud jumlah yang diinsuranskan atau jumlah manfaat yang perlu dibayar seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.

Senarai semak pada dokumen sokongan yang diperlukan untuk membuat Tuntutan

Faedah	Dokumen
Kematian/ Hilang Upaya Kekal	<ol style="list-style-type: none">1 Laporan Perubatan2 Sijil Kematian3 Laporan Bedah Siasat4 Laporan Polis5 Lesen memandu (untuk Kemalangan Kenderaan Bermotor di mana Orang Yang Diinsuranskan adalah pemandu / penunggang)6 Borang e-pembayaran Allianz yang lengkap7 E-mel pengesahan daripada Touch 'n Go mengenai Ikut Serta8 Laporan transaksi pembayaran daripada Touch 'n Go sebagai bukti Ikut Serta
Kehilangan/Kerosakan Barang Peribadi	<ol style="list-style-type: none">1 Laporan Polis2 Borang e-pembayaran Allianz yang lengkap3 E-mel pengesahan daripada Touch 'n Go mengenai Ikut Serta4 Laporan transaksi pembayaran daripada Touch 'n Go sebagai bukti Ikut Serta5 Laporan transaksi pembayaran Tempat Letak Kenderaan
Penjagaan Kunci Kereta	<ol style="list-style-type: none">1. Laporan Polis2. Borang e-pembayaran Allianz yang lengkap3. E-mel pengesahan daripada Touch 'n Go mengenai Ikut Serta4. Laporan transaksi pembayaran daripada Touch 'n Go sebagai bukti Ikut Serta

Kehilangan kad NFC Touch 'n Go	1. Borang e-pembayaran Allianz yang lengkap
	2. E-mel pengesahan daripada Touch 'n Go mengenai Ikut Serta
	3. Laporan transaksi pembayaran daripada Touch 'n Go sebagai bukti Ikut serta
Elaun Pengangkutan	1. Laporan Polis
	2. Borang e-pembayaran Allianz yang lengkap
	3. E-mel pengesahan daripada Touch 'n Go mengenai Ikut Serta
	4. Laporan transaksi pembayaran daripada Touch 'n Go sebagai bukti Ikut Serta
	5. Laporan Perubatan / Borang Kemasukan atau Keluar Hospital

Senarai di atas tidak lengkap. Syarikat berhak untuk meminta mana-mana dokumen yang berkaitan sebagaimana yang mungkin terpakai dan munasabah untuk menyokong tuntutan Orang Yang Diinsuranskan/Penuntut atas perbelanjaan Orang Yang Diinsuranskan/Penuntut.

NOTIS PENTING

PERLINDUNGAN POLISI DAN BAYARAN PREMIUM

Adalah syarat **Polisi** ini bahawa premium yang perlu dibayar untuk perlindungan di bawah polisi mesti dibayar sebelum perlindungan dimulakan. Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi** ini akan dianggap terbatal dari permulaan.

Untuk Menyampaikan Aduan

Kami akan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, kejujuran, integriti dan kebolehpercayaan. Jika anda mempunyai sebarang sebab untuk tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengar daripada anda. Maklum balas anda sangat penting bagi kami kerana kami sentiasa mencari cara untuk menambah baik dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anda.

Untuk memberikan maklum balas anda kepada kami, anda boleh menghubungi kami melalui:

Secara bertulis kepada :

Customer Feedback Center, Allianz Arena, Ground Floor Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

 1 300 22 5542   AllianzMalaysia  customer.service@allianz.com.my  allianz.com.my

Kaedah Untuk Medapatkan Ganti Rugi

Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan (OFS) jika anda tidak berpuas hati dengan maklum balas atau keputusan akhir kami, sekiranya aduan anda berada dalam skop OFS serta ambang kewangan berikut:

- (1) Tuntutan tidak melebihi RM250,000.00; dan
- (2) Tuntutan kerosakan harta benda pihak ketiga motor tidak melebihi RM10,000.00.

OFS boleh dihubungi dialamat berikut :

Ombudsman for Financial Services, Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

 03 2272 2811  03 2272 1577  enquiry@ofs.org.my  www.ofs.org.my

Jika aduan anda tidak termasuk dalam bidang kuasa OFS, anda boleh merujuk aduan anda kepada Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) of Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:

Secara bertulis kepada (BNMTELELINK):

Pengarah, LINK & Pejabat BNM, Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Secara Langsung (BNMLINK):

Ground Floor, Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

 1 300 88 5465  03 2174 1515  bnmtelelink@bnm.gov.my  www.bnm.gov.my

Anda boleh menyemak dengan Pusat Maklum Bala Pelanggan kami tentang jenis aduan yang dikendalikan oleh OFS atau BNM sebelum menyerahkan aduan anda.